



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 5 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RAJA MUDA PERLIS LANCARKAN FESTIVAL MANGGA HARUMANIS PERLIS, UTARA, HARAKAH -H16	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	POTENSI IKAN KERAPU JANA PENDAPATAN INDIVIDU, NEGARA, GAYA ALAM, UM -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PAM BERKUASA TINGGI ALIR AIR KE SAWAH, KELANTAN, HARAKAH -H12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4.	KARNIVAL BIO-KELANTAN BINCANG ISU PERUBAHAN IKLIM, KELANTAN, HARAKAH -H12	LAIN-LAIN
5.	PORK PRICES CONTINUE TO RISE, NATION, SIN CHEW DAILY -1	
6.	PORK MAY HIT RM2,000 PER 100KG, NEWS, GUANG MING DAILY -A1 & A4	
7.	NELAYAN SOKONG PSI, ANGGAP PROJEK BERI BANYAK MANFAAT, NASIONAL, BH -3	
8.	JUAL SAYUR RAHMAH RM5 SEBEKAS, NEGARA, KOSMO -16	
9.	CUACA PANAS JEJASKAN 7,800 HEKTAR TANAMAN PADI DI KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -12	
10.	HUJAN RAHMAT LEGAKAN PENANAM PADI DI MELAKA, DALAM NEGERI, UM -12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Raja Muda Perlis bersama Menteri Besar menunjukkan mangga Harumanis.

Raja Muda Perlis lancarkan Festival Mangga Harumanis Perlis

Oleh: NOOR SARA
MAS HITOH MOHANAD
HANIF

KANGAR: Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamallullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan berangkat melancarkan Festival Mangga Harumanis Perlis yang diadakan di perkaraan Dewan 2020 di sini, baru-baru ini.

Keberangkatan tiba Baginda berdua disambut oleh Pengarah Pertanian Negeri Perlis, Hazifuddin Othman dan Timbalan beliau, Bazilah Jalil.

Program tersebut diadakan sempena dengan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Perlis yang dihadiri ribuan rakyat Perlis.

Festival Mangga Harumanis Perlis merupakan acara tahunan yang diadakan di bawah anjuran Jabatan Pertanian Negeri Perlis dengan kerjasama



Menyambut keberangkatan tiba Raja Muda Perlis ke festival.

Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Perlis.

Harumanis. Majlis pelancaran ini juga menandakan bermulanya jualan buah Mangga Harumanis Perlis berjaya mendapat permintaan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia dan pasaran luar.

Pada kemuncak majlis tersebut, Tuanku Pemangku Raja Perlis berkenan meletakkan 'puzzle' sebagai Simbolik Pelancaran Festival Mangga Harumanis Perlis Tahun 2023 dan juga Melancarkan Produk Inovasi Berasaskan Mangga

Dengan keistimewaan dan kualiti yang tersendiri, Mangga Harumanis Perlis berjaya mendapat permintaan yang tinggi di kalangan rakyat Ma-

laysia dan pasaran luar. Mangga harumanis ini bukan saja untuk dimakan bahkan diproses menjadi jus Harumanis Al-Kamsah dari syarikat Athaniliz Innovation Sdn. Bhd. dan juga sebagai produk makanan dan minuman dengan jenama Mafera serta produk kosmetik berjenama Lin-

difera.



Potensi ikan kerapu jana pendapatan individu, negara

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intan.suhana@medcom.edu.my



IKAN kerapu mendapat permintaan tinggi sama ada di pasaran tempatan atau global sebagai sumber makanan. - GAMBAR HIASAN

IKAN kerapu mendapat permintaan tinggi sama ada di pasaran tempatan atau global sebagai sumber makanan. Begitupun, juvenil ikan kerapu liar yang merupakan salah satu sumber benih utama industri aquakultur, boleh menyebabkan tekanan ke atas populasi ikan ini.

Ketua Bidang Sains Perikanan dan Akuakultur Fakulti Perikanan dan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof. Madya Dr. Rumeaida Mat Piah berkata, spesies itu mudah diancam pengurangan populasinya kerana secara amnya berada di kawasan perairan ceteck.

Tumpuan di kawasan terumbu karang dan berada berkumpulan semasa musim pembibitan menyebabkannya mudah terdedah kepada eksloitasi berlebihan.

"Sifat populasi ikan dengan kadar tumbesaran perlahan, jangka hayat yang panjang dan lambat mencapai kematangan turut menjadikan ancaman kepada kelestarian sumber ini, di mana bilangan individu yang ditularkan tidak dapat digantikan oleh individu baharu pada masa yang sepatutnya."

"Selain daripada eksloitasi berlebihan, kehilangan dan kerosotan habitat juga merupakan penyebab utama kepada penurunan stok perikanan," katanya.

Akta Perikanan 1985, menggariskan beberapa peraturan yang memfokus

kepada pengurusan anak ikan kerapu iaitu Peraturan Perikanan (Musim Tertutup untuk menangkap anak ikan kerapu) 1996.

DATA SAINTIFIK

Bila pun akta berkenaan dilihat memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian spesies berkenaan, namun Rumeaida, mencadangkan peraturan perikanan mengenai had saiz tangkapan, musim penutupan serta kuota tangkapan dapat dirangka dengan menggunakan data daripada penyelidikan saintifik.

"Data saintifik mengenai populasi ikan kerapu boleh digunakan untuk menguruskan sumber perikanan dengan lebih efektif."

"Namun, penangkapan secara lestari atau mampan adalah kaedah terbaik dalam mengekalkan populasi

ikan kerapu iaitu dengan menangkap hanya pada jumlah yang tertentu, pada saiz yang sesuai sahaja serta tidak mengganggu proses penambahan individu baharu di dalam populasi."

"Kaedah itu dilihat mampu untuk mengekalkan populasi ikan kerapu dan secara tidak langsung dapat dinimaki oleh segenap golongan dengan harga lebih rendah," katanya yang berpengalaman menjalankan penyelidikan berkaitan ikan kerapu pada 2015, yang memfokuskan berkaitan aspek populasi ikan kerapu melalui dua geran penyelidikan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia bagi penyelidikan di perairan Zon Eksklusif, Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Namun kata Rumeaida, setakat ini, penyelidikan turut akan menggalakkan perusahaan industri

populasi ikan kerapu di perairan Terengganu.

"Penyelidikan ini perlu diperluaskan ke perairan lain di seluruh Malaysia untuk lebih memahami sifat dan status populasi ikan kerapu agar penemuan baharu dapat digunakan untuk merangka pelan tindakan berkaitan populasi ikan tersebut," ulasnya.

DIKOMERSIALKAN

Ikan kerapu berpotensi untuk dikomersialkan dalam skala lebih besar memandangkan permintaannya yang tinggi.

Ita sekaligus memberi impak baik terhadap perkembangan ekonomi dan menjadikan perusahaan penting bagi menjana pendapatan negara.

Ujar Rumeaida, geran khas daripada kerajaan turut akan menggalakkan perusahaan industri

"Selain daripada eksloitasi berlebihan, kehilangan dan kerosotan habitat juga merupakan penyebab utama kepada penurunan stok perikanan."

penernak ikan kerapu sangkar memandangkan kos penernak ikan kerapu agak tinggi.

Begitupun ada beberapa masalah yang perlu ditangani terlebih dahulu.

Antaranya adalah spesies ikan kerapu yang dapat dibiakkan dan diterak di dalam sangkar adalah terhad.

Malah kadar tumbesaran yang lambat, penghasilan benih yang tidak mencukupi termasuklah keperluan melakukan kajian lanjut, perlulah diberikan perhatian.

"Peningkatan hasil penernak ikan kerapu dapat membantu menambah sumber pendapatan negara. Malah harganya juga menarik berbanding dengan spesies-spesies ikan aquakultur yang lain," katanya.

Pam berkuasa tinggi alir air ke sawah

PASIR PUTEH: Ketika orang lain bercuti sempena sambutan Hari Pekerja, sebaliknya anggota Exco kerajaan negeri, Tuan Mohd Saripudin dan Tuan Ismail membantu penanam padi bagi mengelakkan sawah kering akibat kemarau.

Pada Isnin lalu beliau turut menyertai gotong royong bersama kakitangan Pusat Khidmat Dun Selising dan penghulu memasang pam air bagi mengairi sawah.

Katanya pam tersebut digunakan bagi menyedut air bagi mengairi sawah di Kampung Tasek Pahu memandangkan musim kemarau baru-baru ini.

"Pam air berkuasa tinggi digunakan untuk menyedut air daripada tali air untuk disalirkkan ke sawah.

"Kami mendapat kerjasama KADA Pasir Puteh yang turut membantu menyediakan pam air untuk kegunaan pesawah," katanya selepas program tersebut.

Sebuah jentolak digunakan bagi menurunkan pam berkuasa tinggi tersebut dan dipindah berdekatan dengan saliran.

Tuan Mohd Saripudin yang juga Adun Selising turut merakam penghar-



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menyediakan pam berkuasa tinggi bagi menyalurkan air ke sawah.

gaan kepada semua pihak terlibat memasang pam tersebut.

Oleh itu beliau berharap bekalan air dapat disalurkan ke sawah

secukupnya bagi melancarkan pembesaran padi. - (UPKN)

Karnival Bio-Kelantan bincang isu perubahan iklim

KOTA BHARU: Karnival Bio-Kelantan 2023 yang bertema 'Bioteknologi Memacu Keterjaminan Makanan' akan dianjur kerajaan negeri bermula 11 Mei ini.

Karnival selama empat hari itu akan diadakan di Kompleks Balai

Islam Lundang menyediakan pelbagai aktiviti berkisar sektor pertanian dan bioteknologi.

Ia turut mendapat kerjasama agensi kerajaan

negeri, persekutuan dan Universiti Malaysia Kelantan serta Universiti Teknologi Mara.

Selain pameran agensi kerajaan turut diadakan pertandingan, cabutan bertuah, promosi jualan dan program berbentuk ilmiah.

Antaranya diskusi bioteknologi dalam pertanian atau teknologi pertanian, penernakhan, akuakultur dan taklimat program agropreneur

muda serta seminar ilmu falak dalam pertanian dan perubahan iklim.

Karnival tersebut dijangka dirasmikan Menteri Besar, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob dan majlis penutup oleh anggota Exco kerajaan negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Maklumat lanjut mengenai karnival tersebut boleh layari laman sawang Facebook, Bio-Kelantan.

Headline	Pork prices continue to rise		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	05 May 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	1	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	795 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 23,946
Frequency	Daily	PR Value	RM 71,838



各造互責 苦無方案

生豬價仍未見頂

報道 吳珍妮

(八打灵再也4日讯)猪肉价格节节上涨，猪农、捉猪商、猪肉商各执一词，暂时仍处于死循环、苦无方案的困局，更糟的是，生猪价至今仍未见顶，最坏情况可能会上探每100公斤2000令吉。

猪农指出，养猪成本因为饲料价格上涨，还要背负非洲猪瘟可能销毁全部猪只的风险。加上不少养猪场陆续倒闭，导致生猪产量减少等因素，以致捉猪商开高价收购。

捉猪商和猪肉商则反击，养猪业者以非洲猪瘟为借口抬高生猪价格，导致他们面对生意大减的问题。

禽总生猪组今开会商议

在各相关业者一片纷扰声中，大马禽畜业联合总会生猪组明日（5月5日）开会，预料将会讨论生猪市场价格连续暴涨以及养猪业者面对的各项问题。

禽总生猪组主任王观勇在受访时告诉《星洲日报》，会议料将讨论近几个月来猪价猛涨的问题，他目前不愿多谈，会后才宣布。

但他也同时透露，他已决定不再担任此职位，是项会议也将讨论改选事宜。

另一方面，禽总总会长陈志真指出，猪肉价格高涨主要是因为供应量减少，但是禽总不能插手猪价，只能协助增加供应。

建议提高补贴引入疫苗

“我们向政府建议，提高猪瘟而须销毁猪只的补贴，以及引入非洲猪瘟疫苗，鼓励更多猪农再养猪，只要供应量提高，相信问题可以迎刃而解。”

他说，碍于非洲猪瘟，猪农只能减产，但是各种营运费还是需要支付，例如员工薪资、波动的饲料费用等。

他也指出，其实并不是全国各地的猪肉价格高涨，各地的生猪农场价格不一。

“再加上，政府也允许进口，以填补猪肉短缺。”

猪農：捉猪商抬高價

名猪农直指
捉猪商，强调生猪
价格不是由猪农制
定，而是捉猪商为
了买到猪只，抬高
价格。

这名猪农向《星洲日报》说：“我也想卖掉养猪场，现在每天担心一旦农场感染非洲猪瘟，全数销毁，天天睡不好觉，我们真的很烦恼。”

他说，他养的猪越来越少，因为没有疫苗，一旦感染非洲猪瘟就得全毁，每周需要为30头猪检测，单是成本就要1000多令吉，还要增加消毒药水，以及面对饲料价格波动等问题。

“有人说我们卖一头猪可以大赚1000令吉利润。这是怎样计算出来？我自己怎么也算不出，也不知道如何回答。”

他说，其实并不是所有生猪价格定在每100公斤1710令吉，还是有些农场的售价比较便宜。

猪农因为亏本而倒闭，再经过非洲猪瘟，更多猪农倒闭，在供不应求的情况下，如果价格提高，可以吸引更多猪农再养猪。”



捉猪商：
猪農以猪瘟起價

名捉猪商说，猪农以非
洲猪瘟为由抬高价格，
猪在他们手上，捉猪商也无可奈
何，最终是消费者受苦。

“他们要求每100公斤生猪
1710令吉，否则不卖。我相信接
下来生猪价格还会继续高涨，甚
至涨至2000令吉。”

他说，我国几乎一半的猪只
因为感染非洲猪瘟而被销毁，现
在的生猪供应减少，价格自然走
高。

“我需要面对数百名顾客，
如今生意减少了30%，因为价格
过高，顾客不敢买。”

他指出，过去一天屠宰200多
头猪，如今只有100至150头，因
为不敢屠宰太多。

他认为，政府应该介入处
理，否则这个问题无法解决。

猪肉商：內貿部應徹查

名猪肉商说，消费者希
望国内贸易及生活消费部
彻查猪农和猪肉商是否有牟取暴
利。

他说，猪肉商不会罢市，但
是有些正在讨论增加休息日，因
为猪肉太贵少人买，屠宰了卖不
出就会亏。

“如果生猪价格继续高涨，
半数屠商会倒闭。”

他指出，尽管不少养猪场因
为非洲猪瘟销毁猪只，但是现存
的养猪场还是有利可图的。

“然而，如果猪肉价格继
续高涨，半数的屠商可能会倒
闭或转型，因为消费者都买不起
了。”

农业及粮食安全部周二发文
告指出，非洲猪瘟不应该是本地

3个月每100公斤

涨至RM1710

该部副部长陈宗耀提醒所有
猪农和猪商，若本地生猪价格持
续“失控式”的调涨，最终吃亏
的还是同业，也必定造成消费者
选择别的蛋白质来源，如转吃鸡
肉。

《星洲日报》整理过去几个
月来的生猪市场价格，也发现短
3个多月，已从农历新年前的每
100公斤1400令吉，猛涨至5月劳
动节前后的1710令吉。

Headline	Pork may hit RM2,000 per 100kg		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	05 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A1,A4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	575 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,980



A4

Headline	Pork may hit RM2,000 per 100kg		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	05 May 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A1,A4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	575 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,660
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,980

持續調漲仍未見頂 生豬價或每100kg 2千元

(八打灵再也4日讯) 随著每百公斤生猪价格从1610令吉暴涨至1710令吉，坊间即有消息传出，生猪价格或将继续飙涨，甚至在端午节前后飙涨至每百公斤2000令吉的高价。

消息指出，虽然猪农、捉猪商、猪肉商各执一词，以致市场暂时仍处于苦无方案的困局，但猪肉价格节节上涨的情况可说是势不可挡。

根据一些猪农的说法，饲料价格上涨导致养猪成本激增，还要背负非洲猪瘟可能销毁全部猪只的风险。

猪农否認賣一頭豬賺1千

一名猪农直接剑指捉猪商，强调生猪价格不是由猪农制定，而是捉猪商为了买到猪只，抬高价格。

“我也想卖掉养猪场，现在每天担心一旦农场感染非洲猪瘟，全数销毁，天天睡不好觉，我们真的很烦恼。”

他说，他每周需要为30头猪检测，单是成本就要千多令吉，还要增加消毒药水，以及面对饲料价格

波动等问题。

“有人说我们卖一头猪可以大赚1000令吉利润。这是怎样计算出来？我自己怎么也算不出，也不知道如何回应。”

他说，其实并不是所有生猪价格定在每100公斤1710令吉，还是有些农场的售价比较便宜。

“在冠病疫情期间，猪农因为亏本而倒闭，再经过非洲猪瘟，更多猪农倒闭，在供不应求的情况下

险，加上不少养猪场陆续倒闭，导致生猪产量减少等因素，以致捉猪商开高价收购。

捉猪商和猪肉商反击说，养猪业者以非洲猪瘟为借口抬高生猪价格，导致他们面对生意大减的问题。

在各相关业者一片纷扰声中，大马禽畜业联合总会生猪组将于周五开会，预料将会讨论生猪农场价格连续暴涨以及养猪业面对的各项问题。

此外，禽总生猪组主任王观文说，该会议料将讨论近几个月来猪价猛涨的问题，他目前不愿多谈，会后才宣布，而他也决定不再担任该职位，与此同时，该会议也将讨论改选事宜。

至于禽总总会长陈志喜则称，猪肉价格高涨主要是因为供应量减少，但是禽总不能插手猪价，只能协助增加供应。“我们向政府建

议，提高猪瘟而须销毁猪只的补贴，以及引入非洲猪瘟疫苗，鼓励更多猪农再养猪，只要供应量提高，相信问题可迎刃而解。”

他说，碍于非洲猪瘟，猪农只能减产，但是各种营运费还是需要支付，例如员工薪资、波动的饲料费用等。“其实，并不是全国各地的猪肉价格高涨，各地的生猪农场价格不一，加上政府允许进口，以填补猪肉短缺。”

在这之前，大马猪肉商总会会长周宝源说，虽然农业及食品安全部已劝告猪农见好就收，但他们仍强行涨价，就连猪肉商也无可奈何。

“虽然非洲猪瘟导致产量减少，但因生猪价格不断上涨，吃猪肉的人也因此减少了一半，所以在拉长补短之下还是供应充足的，可是，在这种情况下，猪农还是坚持涨价。”

下，如果价格提高，可以吸引更多猪农再养猪。”

一名捉猪商说，猪农以非洲猪瘟为由抬高价格，猪在他们手上，捉猪商也无可奈何，最终是消费人受苦。“他们要求每100公斤生猪1710令吉，否则不卖。我相信接下来生猪价格还会继续高涨，甚至涨至2000令吉。”

他说，我国几乎一半的猪只因为感染非洲猪瘟而被销毁，现在的生猪供应减少，价格自然走高。

“我需要面对数百名顾客，如今生意减少了

30%，因为价格过高，顾客不敢买；过去一天屠宰200多头猪，如今只有100至150头，因为不敢屠宰太多。”

他认为，政府应该介入处理，否则这个问题无法解决。

一名猪肉商则希望国内贸易及生活费部彻查猪农和猪肉商是否有牟取暴利。

他说，猪肉商不会罢市，但是有些正在讨论增加休息日，如果生猪价格继续高涨，半数屠商会倒闭。(LPP)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	3

Projek Pulau Pinang Selatan

Nelayan sokong PSI, anggap projek beri banyak manfaat

Georgetown: Nelayan yang menyokong projek Tambakan Pulau Pinang Selatan (PSI) kekal berpendirian projek mega itu akan mendatangkan banyak manfaat kepada generasi akan datang daripada segi meningkatkan taraf hidupan dan menjana peluang pekerjaan.

Nelayan di Teluk Kumbar, Lye Phaik Soon, 56, menyokong projek itu sejak awal kerana ia adalah peluang baik untuk generasi muda mendapatkan pekerjaan tetap dan stabil seperti di sektor perkilangan.

"Apabila projek ini siap dan

Kumpulan Wang Simpanan Perkasa (KWSP)

"Kalau malah teruskan dengan pekerjaan nelayan, sudah tentu ada pasang surutnya dengan hasil laut yang tidak menentu. Tanpa bantuan kerajaan negeri seperti subsidi diesel dan petrol serta bantuan pukat, agak susah untuk nelayan meneruskan kehidupan ketika ini," katanya kepada *BERNAMA*.

Phaik Soon yang sudah berkahwin dan mempunyai lima anak berkata, nelayan yang menyatakan sokongan mereka terhadap Projek PSI seolah-olah akan 'dihukum' oleh ketua unit terbitannya kiat, ia akan membaikkan anak muda kerana selain pendapatan terjamin, mereka juga dapat mencarum dalam

dak mendapat bayaran Elaun Sarra Hidup Nelayan.

Persatuan enggan bantu

Mengalami nasib sama, Zazali Siron, 55, sudah menjadi lekong selama 20 tahun dan tidak pernah mengalami masalah dalam memperbaharuinya sejurusnya sehingga tahun ini selepas menyatakan sokongan terhadap projek PSI.

"Lesen saya tamat tempoh 22 April 2023. Pihak unit dan persatuan enggan membantu saya memperbaharui lesen saya atas alasan saya sokong projek tambak laut. Salankah saya menyokong projek kerajaan negeri sedangkan saya anak jati Pulau Pinang?"

"Didakwa lebih 400 nelayan diseraihiframkan oleh persatuan dan kami dinasikkan daripada memperbaharui lesen. Tapi Alhamdulillah, pihak Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan membantu saya memperbaharui lesen dengan Jabatan Perikanan," katanya.

Beliau yang juga nelayan di Kawasan Permatang Damar Laut, turut berterima kasih kepada kerajaan negeri dalam usahanya menaik taraf nelayan di Pulau Pinang dengan memberi bot berukuran 8.1 meter, enjin berkuasa pasifit 90 kuasa kuda serta peralatan lengkap bernilai RM80,000 bagi setiap nelayan yang berdatar.

Mengenai dakwaan projek

tambak ini akan melenayapkan hasil laut dan memusnahkan tembunya karang. Zazali berkata, kawasan tambak yang dirancang oleh kerajaan negeri tidak mempunyai terumbu karang semula jadi.

Nelayan kawasan Sungai Batu, Haris Abdullah, 63, berpendapat kepada prinsip selagi ada arus, hidupan laut akan terus membikar dan tidak akan pupus.

Tambahnya, bahagian selatan bukanlah projek tambak pertama di Pulau Pinang kerana bahagian timur dan utara negeri

sudah ditambah terlebih dahulu

terabit

mengeluh

kehilangan

puncu pendapatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2023	KOSMO	NEGARA	16

Jual sayur Rahmah RM5 sebekas

PONTIAN — Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Benut melalui Peladang Outlet memperkenalkan inisiatif Payung Rahmah dengan menjual sayur-sayuran pada harga serendah RM5 sebekas.

Pengurus Peladang Outlet, Nordalilah Masri berkata, inisiatif itu dilakukan bagi menyahut seruan kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat untuk mendapatkan barang keperluan termasuk sayur-sayuran.

Antara sayur-sayuran yang dijual ialah cili, kacang panjang, lobak merah, timun dan terung yang diperoleh daripada usaha-wan tani di Benut dan Pontian.

"Program ini juga berupaya mengelak daripada berlakunya kejatuhan harga sayur-sayuran disebabkan lambakan yang menyebabkan petani mengalami kerugian besar.

"Apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkenalkan inisiatif Payung Rahmah, maka PPK Benut terpanggil untuk mengambil bahagian.

"Program jualan ini diadakan pada setiap pagi Khamis, jadi penduduk setempat boleh mendapatkan sayur-sayuran pada harga berpatutan," katanya ketika ditemui di Peladang Outlet di Kampung Parit Yassin, Benut di sini semalam.

Menurut Nordalilah, selain sayur-sayuran, produk lain yang dijual di Peladang Outlet Benut adalah puyuh, ayam segar, ma-



NORDALILAH (kanan) menunjukkan sayur-sayuran berharga RM5 sebekas yang dijual di pasar pagi Kampung Parit Yassin, Benut, Pontian semalam.

kanan sejuk beku, kuih-muih, barang kering dan sebagainya.

Sebahagian besar produk tersebut dihantar oleh ahli-ahli PPK Benut sekali gus dapat membantu mengurangkan peranan orang tengah.

Nilai jualan di Peladang Outlet Benut adalah RM100,000 sebulan, manakala nilai jualan sepanjang 2022 pula adalah sebanyak RM1.04 juta.

Sementara itu, Pengurus Be-

sar PPK Benut, Abd. Jalil Elias memberitahu, penjenamaan semula Peladang Outlet tersebut sejajar dengan cadangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dilancarkan pada 2021.

"Penjenamaan ini sekali gus menunjukkan kepelbagaiannya fungsi PPK Benut yang mempunyai pelbagai produk dan dipasarkan di bawah satu bumbung kepada orang ramai," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Cuaca panas jejaskan 7,800 hektar tanaman padi di Kelantan

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamalaya.com.my

KOTA BHARU: Lembaga Kembangkaan Pertanian Kemubu (Kada) mendedaharkan 7,800 hektar kawasan tanaman padi di negeri ini di bawah selian agensi berkenaan terjejas akibat cuaca panas 'melmampu' yang sedang melanda kekita ini.

Pengurusan Besarnya, Mohd. Faizul Mustafa berkata, jumlah kekuasaan itu melibatkan kira-kira 390 orang petani hasil tinjauan yang dilakukan oleh Kada setakat ini.

Menurutnya, cuaca panas yang berpanjangan sangat memberi kesan apabila air di dalam sawah semakin kerurangan dan tanah menjadi kering sekali gus menjaskan perkembangan pokok padi.

"Apabila keadaan menjadi semakin teruk, pertumbuhan pokok padi akan terbantu dan buah menjadi hampa. Pada masa sama, cuaca panas turut menyebabkan sumber air menjadi terhad dan pembekalan air ke sawah terpaksa dilaksanakan mengikut penggiliran.

"Dalam keadaan ini, pokok padi yang memerlukan air untuk proses pertumbuhan serta pembentukan tangkai dan isi akan

terganggu dan menyebabkan penghasilan padi akan terjejas sekali gus mengurangkan kualiti hasil selain menjadikan pendapatan petani," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohd. Faizul memberitahu, bagi memastikan petani tidak mengalami kerugian yang lebih besar, Kada telah mengambil langkah segera bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Katanya, antara langkah yang diambil bagi membantu petani dengan memasang dan menambah bilangan pam bagi membekalkan air ke petak-petak sawah.

"Sehingga kini sebanyak 16 buah pam dengan kapasiti antara 3 hingga 20 quescet telah dipasang di kawasan bendang bagi meredakan situasi kemarau kekita ini.

"Kita turut mengenal pasti lokasi yang ada sumber air bahaw tanah untuk dialirkan keluar menerusi telaga tiub dan membekalkan bahan api diesel kepada pam yang berdaftar dengan Kada," ujarnya. Katanya, kawasan petak sawah yang terjejas ketika ini ialah di jajahan Pasir Puteh, Bachok, Pasir Mas, Kota Bharu Utara dan Kota Bharu Selatan.



KEADAAN tanah sawah padi yang mula merekah akibat kemarau di Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

Hujan rahmat legakan penanam padi di Melaka

MELAKA: Kira-kira 50 petani yang mengusahakan hampir 100 hektar (ha) tanaman padi di Paya Luboh dan Seberang Gajah, Tanga Batu dekat sini lega hujan sejak tiga hari lalu membawa rahmat untuk mereka kembali semula membajak.

Sebelum ini mereka dilanda kebimbangan selepas sawah kering kerontang dan sukar untuk membuat batas kerana tanah keras bagi memulakan aktiviti menanam semula padi selepas tertangguh akibat cuaca panas.

Ketua Unit Peladang Paya Luboh, Zahedan Udiniah berkata, sebahagian besar petani kini lega selepas hujan dan sawah dijenangi air memudahkan mereka untuk menanam selepas tamat musim menuai Mac lalu.

"Kebanyakan pesawah memangguhan dulu untuk menanam padi kerana tanah keras dan sukar untuk membajak.



ZAHEDAN Udiniah (depan) dan Muhammad Akmal Mohd. Hasan menunjukkan sawah padi yang digenangi air selepas hujan turun sejak tiga hari lalu di Paya Luboh, Tanga Batu, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

"Mulanya kami bimbang musim panas berterusan sebahagian besar sawah kering dan faktor kesihatan turut diambil kira untuk mereka turun ke sawah dibimbangi terkena strok haba.

"Apabila hujan datang, sebahagian besar sawah dipenuhi air dan ini memudahkan pesawah menanam padi baharu yang sepatutnya bermula selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri," ujarnya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Zahedan berkata, kebanyakannya pesawah sudah kembali semula untuk meneruskan aktiviti menanam padi bagi memastikan padi cukup masak menjelang musim hujan yang dijangka Ogos ini.

Sementara itu seorang petani, Muhammad Akmal Mohd. Hasan, 27, berkata, dia bersyukur kerana tidak perlu risau untuk memulakan proses menanam padi selepas hampir

sebulan tidak dapat mengusahakannya disebabkan musim kemarau.

Katanya, sewaktu musim panas yang berterusan menyebabkan dia menangguhan buat semasa waktu menanam padi kerana sawah kering selain ketidadaan sumber air.

"Tapi apabila hujan sejak tiga hari lalu, petak sawah saya mulai digenangi air dan saya boleh mulakan proses takung air bagi membolehkan kerja-kerja sawah dimulakan," katanya.

Muhammad Akmal berkata, dia berharap supaya hujan turun bagi membolehkan kerja-kerja membajak sawah dilakukan segera terutama mengejar musim hujan pada Ogos ini.

"Jika hujan terus ada, selepas membajak saya boleh mula proses menanam benih padi jenis 269," katanya yang mengusahakan sawah seluas dua hektar kawasan penanaman.